



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Web: <http://portalpp.anm.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(A) MEL/12 Jld 7 (79)
Tarikh : 3 Februari 2022
Bersamaan : 1 Rejab 1443H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PENGHANTARAN PENYATA PENYESUAIAN VOT, HASIL, AMANAH DAN DEPOSIT
BAGI BULAN JANUARI 2022**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 7/2018, Bil. 3/2019 dan Bil. 4/2019.

2. Dimaklumkan bahawa berkuatkuasa bulan **Jun 2019** setiap PTJ perlu menghantar Laporan Penyata Penyesuaian Vot, Hasil, Amanah dan Deposit **selewat-lewatnya 14hb setiap bulan berikutnya ke Jabatan ini.**
3. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk mengemukakan Penyata Penyesuaian Vot, Hasil, Amanah dan Deposit bagi bulan **Januari 2022 selewat-lewatnya pada 14hb Februari 2022 (Isnin).** Kelewatan atau kegagalan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mengemukakan Penyata Penyesuaian tersebut pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan 143(b) dan teguran di dalam Laporan Audit Tahunan di peringkat Persekutuan.
4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di Unit Akaun seperti berikut :
 - i. Pn. Siti Noraini binti Rosli 06-2895062
 - ii. Cik. Mariam binti Abdul Hamid 06-2895090
 - iii. Pn. Norfazilah binti Mohammad Yusof 06-2895088
5. Kerjasama dan tindakan segera pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(NUR AZIRA BINTI ABD RAHMAN C.A.(M))

Seksyen Operasi,
b.p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.